



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 5 TAHUN 2026**

---

### **CAPAIAN PANTAS DAN MEDIUM RUJUKAN PERATURAN DAN INFOGRAFIK KHUSUS BERKAITAN PENGURUSAN PEMBAYARAN BERDASARKAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)**

**Pejabat Bendahari**

13 Mac 2026

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.5/2026

### CAPAIAN PANTAS DAN MEDIUM RUJUKAN PERATURAN DAN INFOGRAFIK KHUSUS BERKAITAN PENGURUSAN PEMBAYARAN BERDASARKAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada warga UTeM berhubung capaian pantas dan medium rujukan peraturan dan infografik khusus berkaitan pengurusan pembayaran berdasarkan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU).
- 1.2 Medium capaian ini adalah sebagai salah satu inisiatif tambahan Pejabat Bendahari dalam menyediakan rujukan pantas kepada peraturan kewangan Universiti dan sebagai hebahan infografik khusus berkaitan peraturan pembayaran terutama melibatkan maklumat kadar-kadar rasmi perbelanjaan yang ditetapkan Universiti.
- 1.3 Inisiatif ini juga adalah selaras dengan perubahan arus teknologi semasa dengan memastikan infografik-infografik peraturan dikumpulkan dan disediakan dengan teratur serta memudahkan rujukan pada bila-bila masa yang diperlukan di hujung jari. Sumber capaian pantas ini adalah sebagai tambahan dan sokongan kepada sumber rujukan utama PKPU, Bahagian Pengurusan Pembayaran yang boleh di layari pada Portal rasmi Pejabat Bendahari.


## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejak tahun 2001 hingga kini, Universiti telah mengguna pakai peraturan Kerajaan melalui Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 2.2 Edisi pertama PKPU telah dibukukan setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2012 dan telah diedarkan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 11/2012. Edisi kedua PKPU telah dikemaskini dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.3 Berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa, Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil. 13 Tahun 2025 bertarikh 31 Disember 2025 berhubung Penambahbaikan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) khusus bagi skop Pengurusan Pembayaran.
- 2.4 Pejabat Bendahari dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Digital juga telah menambah baik sistem kewangan sedia ada dengan melaksanakan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0) mulai pada 1 September 2024 dengan menekankan aspek pelaksanaan SMKBv4.0 secara automasi.

## **3.0 MEDIUM RUJUKAN PANTAS PERATURAN PENGURUSAN PEMBAYARAN**

- 3.1 Bagi memastikan setiap warga UTeM diberi pendedahan maklumat dan panduan yang lengkap khusus berkaitan pengurusan pembayaran, Pejabat Bendahari telah merangka inisiatif medium rujukan pantas yang membolehkan segala maklumat berkaitan pengurusan pembayaran dapat dicapai dengan mudah, pantas dan pada bila-bila masa yang diperlukan.

- 3.2 Medium rujukan pantas ini adalah menggunakan aplikasi *boards* yang boleh dicapai sama ada menggunakan telefon pintar, komputer atau sebagainya dengan menekan capaian *link* <https://boards.com/a/2UwLM.mZku2H> atau melalui QR Code yang disertakan berikut:



- 3.3 Umumnya, maklumat-maklumat berhubung peraturan pembayaran yang boleh dicapai pada medium yang disediakan tersebut adalah seperti berikut:
- 3.3.1 Infografik ringkasan peraturan pembayaran
  - 3.3.2 Kadar-kadar rasmi perbelanjaan
  - 3.3.3 Senarai semak dokumen pembayaran
  - 3.3.4 Video dan slaid latihan berkaitan peraturan pembayaran
  - 3.3.5 Rujukan pantas peraturan lengkap PKPU, Bahagian Pengurusan Pembayaran
  - 3.3.6 Maklumat-maklumat lain yang berkaitan pengurusan pembayaran
- 3.4 Maklumat-maklumat yang disediakan dalam medium ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa tertakluk kepada pengemaskinian PKPU yang diluluskan Lembaga Pengarah Universiti berdasarkan pengemaskinian peraturan Kerajaan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan.

Sekian, harap maklum.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**  
**“KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
MJ/BoardsPengurusanPembayaran/2026